

YOUR BUSINESS PROTECTED, LIKE A WORK OF ART



eTiqa
Life Insurance

Humanising
Financial Services



Maybank



Terms & conditions apply.

The benefit(s) payable under eligible product is(are) protected by PIDM up to limits.
Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Etiqa Life Insurance Berhad or
PIDM (visit www.pidm.gov.my).


Protect what you have built

Without the key persons in your business, its survival is at risk. Smart Secure is designed to help your business survive the adverse financial consequences of the death or disability of a key person.

The consequences of the death or disability of a key person could include the need to pay the expenses and debts of the business until a successor is found, supplement the costs of hiring external talent, the business is sold, or is wound down.

Benefit your business

Smart Secure is a term life insurance plan that comes with the flexibility of choosing the tenure of benefits, the benefit amount paid on death or disability, an optional benefit, and the frequency of premium payments.



Benefit Tenure	From a minimum of 5 years to the policy anniversary prior to the 80th birthday
Benefit Amount	From a minimum of RM100,000
Premium Frequency	Monthly, quarterly, half yearly, or yearly frequency of premium payments
Optional Benefit	An additional benefit amount will be paid on the diagnosis of one of 36 critical illnesses

If you are younger than 70 years old, you are eligible to apply for the plan and eligibility is subject to our approval.

The regular premium you pay, excluding any premium paid for the optional benefit, will be unchanged over the tenure.

Premiums paid by a business for a key person may be eligible for **tax relief**, subject to the decision of the relevant tax authorities in Malaysia.

Case study



Mr. Lee

is a key person of an office stationery supplier that was established 8 years ago.

Unfortunately, whilst out on his regular morning walk, Mr. Lee suffered a heart attack and passed away after 10 days in hospital.

Thankfully, his medical expenses, funeral costs, and costs of providing for his family in the future were covered by an Etika personal term life insurance plan that he had taken out when he was 25.

But the business was in trouble as following his demise, invoices were not being issued. The lack of cash flow meant that wholesalers and staff could not be paid, and the mortgage on the office went into arrears. Within months, the business was in liquidation.



With a key person insurance policy however, the business could have prevented liquidation. By choosing a benefit amount that is sufficient to provide for six months expenses and debt servicing, the owners of the business would then have had sufficient time to find a successor and continue the business.



Major exclusions

To keep the benefits affordable, no benefit amount will be paid, due to the following causes:

Cause	Death benefit	Total & Permanent Disability benefit	Critical Illness benefit
Suicide within one year of plan commencement	X		
Attempted suicide		X	X
Participation in criminal act, illegal act, strike, riot or civil commotion		X	X
Participation in a dangerous or hazardous activity and sports, or non-commercial aviation		X	X
Consumption of alcohol or drugs		X	X
Provoking physical violence		X	
Inhalation of poison, gas or fumes		X	
Intentional self-inflicted injury, failure to follow medical advice, or to unreasonably delay obtaining medical treatment		X	X
Critical illness or medical costs arising due to: • conditions which existed prior to issuing or reinstating the policy, or • HIV infection except when due to blood transfusion, or • sexually transmitted diseases		X	X

For your attention

1. The contents of this brochure may be changed without prior notice.
2. This brochure is a summary of the terms and conditions of the plan. This brochure is not a legally binding contract or commitment.
3. Please request a sales illustration from your Maybank Sales Representative, prior to submitting an application for the plan. The sales illustration contains additional details on the terms and conditions of the plan. Please review the sales illustration to satisfy yourself that the benefits fulfil your needs and that the premiums are affordable.
4. Should your application for the plan be accepted by us, a policy contract will be sent to you to confirm commencement of the plan. Please refer to the policy contract for the full, legally binding terms and conditions of the plan. Should you choose to cancel this plan, for whatever reason, please notify us in writing within 15 days of receiving of the policy contract. Upon such cancellation we will refund any premiums you have paid, less medical fees if any, which were incurred in making this plan application.
5. Please pay any premiums due within 31 days of the premium due date. Premiums will be due regularly at intervals over the duration of the plan, as set out in the policy contract. Failing to pay premiums when due will discontinue all your benefits under the plan.

If you cancel the plan within the first 2 years from commencement, you may not receive any payment. Upon such cancellation in subsequent years, the payment amount received may be less than the premiums you have paid.

6. We have the right to change the premiums in respect of optional benefits under this plan. 3 months prior notice will be given of the effective date of such change. Such changes will be applicable from the policy anniversary following the effective date of such change. Revisions may arise due to changes in legislation or regulations, including taxation, or other factors which are unexpected and permanent. These factors can include claims trends, for example due to medical cost inflation.

7. All premiums (if applicable) will be subjected to relevant charges or taxes as deemed necessary by the Malaysia tax authorities. It is important to keep any receipt that you receive as proof of payment of premium.

Call **1300 88 6688**, visit any Maybank branch or log on to **www.maybank2u.com.my** for more details, terms and conditions.

This plan is underwritten by Etiqa Life Insurance Berhad (201701025113), a subsidiary of Malayan Banking Berhad (196001000142). Etiqa Life Insurance Berhad is licensed under Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

Etiqa Life Insurance Berhad is located at Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. This plan is distributed by Malayan Banking Berhad and the headquarters is located at Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

Smart Secure
Pelan Insurans

BISNES ANDA DILINDUNGI, SEPERTI KARYA SENI



eTiqa
Insurans Hayat

Menginsankan

Perkhidmatan Kewangan



Maybank

Tertakluk pada terma dan syarat.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa Life Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).


Lindungi apa yang anda telah bina

Tanpa orang utama perniagaan anda, kelangsungannya mungkin tergugat. Smart Secure akan membantu perniagaan anda terus berdaya saing walaupun terdapat kekangan kewangan akibat kematian atau kehilangan upaya orang utama.

Kesan daripada kematian atau kehilangan upaya orang utama perniagaan termasuk keperluan untuk membayar perbelanjaan dan hutang perniagaan sehingga seorang pengganti dilantik, menanggung kos perlantikan pekerja luar, perniagaan dijual atau dibubarkan.

Manfaatkan perniagaan anda

Smart Secure adalah plan insurans hayat bertempoh yang menawarkan fleksibiliti untuk memilih tempoh manfaat, jumlah manfaat yang dibayar untuk kematian dan kehilangan upaya, manfaat tambahan, dan kekerapan pembayaran premium.



Tempoh Manfaat	Minimum 5 tahun untuk ulangtahun polisi sehingga tarikh lahir ke 80
Jumlah Manfaat	Daripada minimum RM100,000
Kekerapan Pembayaran Premium	Bulanan, suku tahunan, setengah tahunan, atau tahunan untuk pembayaran premium
Manfaat Tambahan	Manfaat tambahan akan dibayar apabila didiagnosis dengan salah satu daripada 36 penyakit kritikal

Jika anda berusia di bawah 70 tahun, anda layak untuk memohon pelan ini dan kelayakan adalah tertakluk kepada kelulusan kami.

Premium yang anda bayar akan kekal sepanjang tempoh pelan, tidak termasuk premium untuk manfaat tambahan.

Premium yang dibayar oleh perniagaan untuk orang utama mungkin layak untuk **pelepasan cukai**, tertakluk kepada keputusan oleh pihak berkuasa cukai Malaysia.

Kajian kes



Encik Lee

adalah orang utama di dalam syarikat pembekal alat tulis pejabat yang telah ditubuhkan 8 tahun lalu.

Malangnya, ketika Encik Lee bersenam pada suatu pagi, beliau telah mengalami serangan jantung dan meninggal dunia setelah dimasukkan ke hospital selama 10 hari.

Mujurlah, perbelanjaan perubatan, kos pengebumian dan jumlah yang diperlukan untuk masa depan keluarga Encik Lee ditanggung oleh polisi insurans hayat bertempoh Etiqa yang telah beliau ambil ketika berusia 25 tahun dahulu.

Namun begitu, kedudukan perniagaannya kini goyah akibat pemergiannya, invoice tidak dapat dikeluarkan. Kekurangan aliran wang tunai ini menyebabkan pemborong dan gaji pekerja tidak dapat dibayar, dan gadai janji pejabatnya telah tertunggak. Dalam masa beberapa bulan, perniagaannya terpaksa ditamatkan.



Sekiranya ada polisi insurans orang utama, perniagaan tersebut mungkin boleh diselamatkan. Dengan memilih jumlah manfaat yang mencukupi untuk menanggung kos perbelanjaan dan melangsaikan hutang-hutang selama 6 bulan, pemilik perniagaan mempunyai cukup masa untuk mencari pengganti dan meneruskan perniagaannya.



Pengecualian utama

Untuk memastikan manfaat sentiasa mampu dimiliki, tiada pembayaran akan diberikan di bawah pelbagai komponen pelan, atas sebab-sebab berikut:

Sebab	Manfaat Kematian	Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal	Manfaat Penyakit Kritikal
Bunuh diri dalam tempoh satu tahun dari pengeluaran pelan	X		
Percubaan bunuh diri		X	X
Penglibatan di dalam sebarang aktiviti jenayah atau melanggar undang-undang, mogok, rusuhan atau kekacauan umum		X	X
Penglibatan di dalam sebarang aktiviti dan sukan berbahaya, atau penerbangan bukan komersil		X	X
Pengambilan alkohol atau dadah		X	X
Kecederaan akibat provokasi keganasan fizikal		X	
Penyedutan racun, gas atau wasap		X	
Kecederaan yang disengajakan oleh diri sendiri, kegagalan untuk mematuhi nasihat perubatan, atau penangguhan yang tidak munasabah dalam mendapatkan rawatan perubatan		X	X
Penyakit kritikal dan kos perubatan yang dikenakan akibat: • keadaan yang sedia ada sebelum tarikh pengeluaran atau pengembalian semula polisi, atau • jangkitan HIV kecuali akibat pemindahan darah, atau • penyakit kelamin		X	X

Untuk perhatian anda

1. Maklumat yang terkandung dalam brosur ini boleh dipinda tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
2. Brosur ini adalah ringkasan daripada terma-terma dan syarat-syarat pelan ini. Brosur ini tidak boleh dianggap sebagai kontrak atau komitmen.
3. Sila minta ilustrasi jualan daripada Wakil Jualan Maybank anda sebelum membeli pelan ini. Ilustrasi jualan mengandungi maklumat terperinci berkenaan terma-terma dan syarat-syarat pelan ini. Sila semak ilustrasi jualan untuk mendapatkan kepastian bahawa manfaat-manfaat adalah sesuai dengan keperluan anda dan jumlah premium yang perlu dibayar adalah mengikut kemampuan anda.
4. Sekiranya permohonan anda terhadap pelan ini diluluskan oleh kami, kontrak polisi akan dihantar untuk mengesahkan permulaan pelan. Sila rujuk dan baca kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat penuh. Sekiranya anda ingin membatalkan pelan ini, bagi apa jua alasan, sila maklumkan kepada kami secara bertulis dalam masa 15 hari dari tarikh pengeluaran kontrak polisi dan kami akan membayar balik premium yang telah diterima selepas ditolak kos pemeriksaan perubatan yang ditanggung (jika ada).
5. Sila bayar premium dalam tempoh tangguh selama 31 hari dari tarikh premium tersebut perlu dibayar. Premium yang perlu dibayar adalah tetap sepanjang tempoh pelan mengikut kekerapan pembayaran yang dipilih, seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi. Kegagalan membayar premium akan menamatkan kelayakan anda untuk menerima manfaat di bawah pelan ini.

Anda tidak akan menerima sebarang pembayaran jika anda menamatkan pelan ini dalam 2 tahun yang pertama dan manfaat tahun berikutnya mungkin kurang daripada jumlah premium yang telah dibayar.

6. Kami berhak untuk meminda premium bagi manfaat tambahan di bawah pelan ini dengan memberi notis 3 bulan terlebih dahulu. Kadar premium boleh meningkat disebabkan undang-undang atau peraturan, termasuk percukaian, atau factor-faktor lain yang tidak dijangka dan bersifat kekal. Faktor-faktor ini termasuk pengalaman tuntutan contohnya disebabkan oleh inflasi kos perubatan.

7. Semua premium (jika berkenaan) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

Hubungi **1300 88 6688**, kunjungi cawangan Maybank atau layari **www.maybank2u.com.my** untuk maklumat lanjut, terma dan syarat.

Pelan ini diunderait oleh Etiqa Life Insurance Berhad (201701025113), sebuah subsidiari Malayan Banking Berhad (196001000142). Etiqa Life Insurance Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Etiqa Life Insurance Berhad adalah berlokasi di Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. Pelan ini diedarkan oleh Malayan Banking Berhad dan ibu pejabat berlokasi di Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

